**1.8.2021_Harian Metro_Jabatan Kimia Malaysia_ Onar air sisa**



SUNGAI KIM KIM TERCEMAR LAGI

# ONAR AIR SISA

Oleh Mary Victoria Dass

Pasir Gudang

Misteri pencemaran bau yang dialami penduduk Kampung Bukit Pulai di sini, pada Rabu lalu terjawab apabila Jabatan Alam Sekitar (Jas) mengesan kegiatan pelepasan air sisa dari premis bukan industri di Sungai Kim Kim oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Dalam kejadian jam 10 malam pada 28 Julai lalu, penduduk berhampiran Kampung Bukit Pulai di sini mendakwa ada bau busuk dan dikhuatiri menambah tekanan penduduk ketika pandemik Covid-19 ini.

Jurucakap Jabatan Alam Sekitar (Jas) berkata, susulan aduan diterima daripada penduduk, pasukan dari Unit Penguatkuasa Industri Jas bergegas ke lokasi kejadian di Sungai Kim Kim Dalam, Kampung Bukit Pulai untuk menjalankan siasatan.

Beliau berkata, siasatan di lokasi kejadian mendapati air sungai berwarna hitam dan ada bau busuk dikesan seperti aduan diterima.

"Esoknya (29 Julai) pasukan dari Cawangan Pasir Gudang menyusuri sekitar kawasan Sungai Kim Kim dan pemantauan menerusi dron dijalankan bagi mengenal pasti punca disyaki menyebabkan pencemaran terbabit.

"Pengukuran kualiti air sungai juga dijalankan Unit Pengawasan dari Jas di beberapa lokasi di sepanjang sungai terbabit.

"Siasatan awal mendapati pencemaran disyaki berpunca daripada pelepasan air sisa dari premis bukan industri," katanya.

Menurut kenyataan, premis itu menjalankan kerja penyelenggaraan sehingga menyebabkan air sisa tanpa dirawat mengalir memasuki sungai berhampiran.

"Persampelan dijalankan dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk tindakan selanjutnya mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Premis diminta menjalankan langkah pembaikan segera dan pihak berkuasa tempatan dimaklumkan untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Selepas dua tahun mengalami pencemaran teruk akibat pelepasan sisa toksik sehingga menjadi tajuk utama media dan menarik perhatian seluruh negara, Sungai Kim Kim kembali tercemar.

Dalam insiden dikesan pada 7 Mac 2019, penduduk berhampiran sungai berkenaan, termasuk puluhan pelajar sekolah di kawasan itu diserang sesak nafas, loya, pening dan pitam.

"Premis diminta menjalankan langkah pembaikan segera" — Jurucakap Jas

KEADAAN Sungai Kim Kim didapati tercemar dengan sisa dari premis bukan industri hingga mengakibatkan pencemaran bau di sekitar perkampungan berhampiran.